

PM tidak syaratkan Pairin berhenti

KUALA LUMPUR, Selasa —
Datuk Seri Dr. Mahathir Mo-
hammad berkata beliau tidak
mengenakan syarat supaya
Ketua Menteri Sabah, Datuk
Seri Joseph Pairin Kitingan
meletakkan jawatan bagi
membolehkan Parti Bersatu
Sabah (PBS) menubuhkan ke-
rajaan campuran dengan
Usno.

Perdana Menteri berkata
Datuk Seri Pairin selaku Pre-
siden PBS, dalam pertemuan
dengannya di sini Sabtu lalu,
hanya menyatakan hasrat
PBS untuk menubuhkan kera-
jaan campuran dengan parti
komponen Barisan Nasional
(BN).

"Saya cuma mendengar
pendapat PBS mengenai penu-
buan kerajaan campuran di
Sabah. Malah saya juga sudah
mengemukakan pandangan
mengenai perkara itu.

"Saya tidak membuat seba-
rang syarat atau cadangan ke-
pada Datuk Pairin. Dia juga
tidak memberitahu apa-apa
syarat tertentu," katanya ke-
pada pemberita selepas me-
rasmikan Seminar Labuan -
Pusat Kewangan Luar Persi-
siran, di sini, hari ini.